

Please cite this article as:

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN KEMURUNGAN DALAM KALANGAN PELAJAR UPSI

¹Rizky Hafiz Chaniago*

rizky@fbk.upsi.edu.my

²Sarina Yusuf

sarinayusup@fbk.upsi.edu.my

³Roslan Ali

roslan.ali@fbk.upsi.edu.my

⁴Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin

sitinoramalina@fbk.upsi.edu.my

Corresponding Author

^{1,2,3,4}Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak

ABSTRAK

Media sosial memainkan peranan yang besar dalam kehidupan seharian masyarakat masa kini. Media sosial menjadi salah satu media yang mempunyai pelbagai fungsi dan sangat digemari oleh setiap masyarakat berbanding dengan media lain. Kemurungan pula merupakan gangguan mental dimana perasaan seseorang individu tersebut terganggu dan menyebabkan timbulnya perasaan sedih yang berpanjangan, keletihan dan ketiadaan tenaga, cepat marah dan juga hilang minat dalam aktiviti harian. Kemurungan juga kerap terjadi dalam kalangan pelajar sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun universiti. Kemurungan dapat dikesan melalui tingkah laku pelajar seperti keresahan, tekanan dan stress. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji perkaitan antara penggunaan media sosial dan kemurungan dalam kalangan pelajar UPSI. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang kaji selidik yang mempunyai 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan juga C. Borang ini diedarkan kepada 100 orang pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel kajian berdasarkan pemilihan persampelan mudah secara rawak. Analisis data menggunakan prisian SPSS versi 25. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi pencerahan bagaimana masalah kemurungan dan penggunaan media sosial berkait rapat antara satu sama lain dan juga dapat di atasi melalui kearah mendekati diri dengan agama.

ARTICLE INFO

Kata Kunci:

Kemurungan 1,
Tekanan 2,
Stress 3,
Pelajar 4,
Media Sosial 5

Copyright: © 2020 The Author(s)

Published by Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

1.0 PENGENALAN

Kemurungan adalah perkataan seharian yang merujuk kepada perasaan sedih yang dialami oleh seorang individu. Namun begitu, perkataan ini amat sukar ditafsir kerana boleh membawa kepada pelbagai maksud melalui pelbagai situasi. Kemurungan turut merupakan pembentukan kepada tingkah laku yang memberi kesan kepada seseorang individu (Ainul Aina, 2018). Perkara ini boleh berlaku dalam setiap diri individu tanpa mengira bangsa atau agama melalui pelbagai aspek persekitrannya. Berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2017), menunjukkan bahawa terdapat lebih 1.1 juta kes gangguan kemurungan di Malaysia. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa kemurungan ialah penyumbang utama kepada kematian akibat membunuh diri yang merupakan 800,000 atau 1.5% daripada semua kematian di seluruh dunia. Menurut (NorHayati, 2013), kemurungan adalah sejenis penyakit mental yang banyak berlaku tetapi kurang didianosis sehinggalah masalah telah menjadi teruk dan memerlukan rawatan yang rapi. Hampir kesemua pesakit yang menghidapai kemurungan mengalami episod mood yang rendah dan hilang minat sepenuhnya terhadap sesuatu aktiviti yang sebelum ini digemarinya.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), separuh daripada hampir semua jenis penyakit mental bermula pada usia seawal 14 tahun kerana lambat mendapatkan rawatan yang profesional. Kajian dari Globalstat melaporkan lebih 72 peratus penggunaan media sosial di Malaysia antara pengguna tegar dan ketagihan media sosial. Menurut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2017, kira-kira 5.5 juta remaja, seorang daripada lima anak muda mengalami kemurungan manakala seorang remaja dari 10 remaja direkodkan mengalami tekanan perasaan.

Menurut pengasas Yayasan Kesihatan Mental (MHF) Malaysia, Dr Abdul Aziz Abdullah, sekitar 27 peratus kalangan penduduk Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas yang mengalami masalah kesihatan mental harus diberi perhatian. Kajian kali ini dilakukan bagi mengkaji penggunaan media sosial dan kemurungan dalam kalangan pelajar UPSI. Menurut Carr & Hayes (2015), media sosial merujuk kepada kepelbagaian dalam dasar rangkaian Internet yang membolehkan pengguna (manusia) untuk berinteraksi antara satu sama lain samada secara lisan dan secara visual.

Memetik laporan akhbar Sinar Harian (2019) oleh Pakar Psikiatri, Pusat Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dr Rozanizam Zakaria, penggunaan gajet dan media sosial secara berlebihan bukan sahaja menyebabkan masalah mental malah kajian saintifik jugak menunjukkan perkaitannya dengan kes-kes kemurungan, keresahan melampau serta perilaku impulsif. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2017), kemurungan ialah gangguan psikiatri yang melibatkan gangguan pada emosi seseorang individu itu.

Individu yang menderita gangguan kemurungan akan menunjukkan rasa sedih, murung, rendah diri, putus asa, tidak bermaya dan sering menyalahkan diri sendiri. Yvonne et al (2018), mendapati gangguan atas talian, keclaruan jadual tidur, dan kurang keyakinan diri merupakan faktor-faktor yang menghubungkan penggunaan media sosial dan kemurungan. Menurut Shamsudin et al (2016), tahap kesihatan mental pelajar universiti merupakan isu penting kerana ia melibatkan prestasi akademik dan juga kebajikan mereka secara keseluruhan. Prestasi akademik merupakan salah satu isyarat kepada produktiviti seseorang pelajar dan merupakan aset penting kepada pembangunan negara. Penelitian ini bertujuan untuk Mengkaji perkaitan antara penggunaan media sosial dan kemurungan dalam kalangan pelajar UPSI. |

2.0 SOROTAN LITERATUR

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2017), melaporkan bahawa 10% hingga 20% kanak-kanak dan remaja di seluruh dunia mengalami masalah mental. Gangguan mental yang paling kerap berlaku pada kanak-kanak dan remaja adalah 'anxiety disorder' dan kemurungan (Mental Health Foundation, 2018: Stansfeld et al, 2016). Morgan et al (2017), melaporkan bahawa kadar kecederaan diri di UK telah meningkat sebanyak 68% pada kanak-kanak berumur 13 hingga 16 tahun pada 10 tahun yang lepas.

Kemurungan adalah penyebab utama kecacatan di seluruh dunia dan merupakan penyebab utama menyumbang kepada beban penyakit global secara keseluruhan (Depression, 2018). Kekurangan tenaga, atau keletihan, kehilangan minat atau keseronokan dalam hobi dan aktiviti sukar untuk menumpukan perhatian, mengingati dan membuat keputusan hanyalah beberapa tanda dan gejala individu yang mengalami kemurungan (Depression, 2018). Di samping itu, Health Direct

Copyright: © 2020 The Author(s)

Published by Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

menyatakan “kesihatan mental yang bagus adalah lebih daripada sekadar ketiadaan penyakit mental. Keadaan kesejahteraan yang positif merangkumi perasaan yang baik dan berfungsi dengan baik (Good Mental Health, 2017).

Istilah ‘media sosial’ merujuk kepada rangkaian berasaskan internet yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan orang lain secara lisan dan visual (Carr & Hayes, 2015). Menurut Pew Research Centre (2015), sekurang-kurangnya 92% remaja aktif di media sosial. Pada tahun 2018, kira-kira 88% orang AS berusia 18-19 tahun telah menunjukkan bahawa mereka menggunakan sosial media. Majoriti orang AS menggunakan Facebook, namun yang berumur 18 hingga 24 tahun cenderung menggunakan Snapchat, Instagram dan Twitter (Smith & Anderson, 2018). Media sosial juga boleh digunakan sebagai hiburan kepada individu, menjaga hubungan atau meluangkan masa. Walau bagaimanapun, ia boleh menjadi ketagih yang berkembang daripada merasa lebih baik atau lebih yakin dengan diri sendiri semasa menggunakan sosial media (Guedes et al, 2016).

Semasa mengkaji hubungan media sosial dan hasil kesihatan mental seperti kemurungan dapatan menunjukkan hasil bercampur (Susan Wu, 2019). Hubungan tersebut kompleks dan mungkin melibatkan pelbagai faktor psikologi, sosial, tingkah laku dan individu (Baker & Algorta, 2016). Sama ada sosial media bermanfaat atau membahayakan kesihatan mental dan kesejahteraan sebagainya bergantung kepada kualiti faktor sosial di laman media sosial (Seabrook, Kern & Richard, 2016). Kajian lanjut diperlukan kerana penggunaan media sosial yang tinggi (Smith & Anderson, 2018) dan kadar kemurungan yang tinggi pada orang dewasa muda (Depression, 2018) dengan kemurungan sebagai yang paling banyak masalah kesihatan biasa bagi pelajar kolej (Depression & College Students, n.d).

3.0 KAEDAH KAJIAN

Tinjauan Keseluruhan

Bahagian ini membincangkan mengenai metodologi yang digunakan untuk menentukan tujuan model terotikal. Bahagian ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu, 1) Reka Bentuk Kajian; 2) Lokasi Kajian; 3) Populasi dan Persampelan Kajian; 4) Instrumen Kajian; 5) Pra Ujian dan Pengumpulan Data; 6) Proses Kesahan dan Reliabiliti Instrumen; 7) Kaedah Pemprosesan Data; 8) Penyaringan data; dan 9) Rumusan.

Reka Bentuk Kajian

Menurut Kothari (2004), reka bentuk kajian merupakan satu rancangan, peta jalan dan strategi penyiasatan rangka tindakan yang dirancang untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian (Kothari, 2004), ia merupakan satu elemen yang penting untuk setiap kajian. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Menurut Aliaga dan Gunderson (2002), penyelidikan kuantitatif merupakan penyelidikan terhadap masalah sosia, menjelaskan fenomena dengan mengumpulkan data berangka yang dianalisis menggunakan kaedah berdasarkan matematik, khususnya statistik. Kajian ini telah menggunakan pendekatan tinjauan soal selidik untuk mendapatkan maklumat responden. Seramai 100 orang pelajar UPSI terlibat dalam kajian ini.

Responden tersebut dipilih secara rawak dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah dimana semua populasi diberi peluang yang sama untuk menjawab soal selidik ini (Merrigan & Huston, 2004). Pengkaji akan memilih pelajar secara rawak berdasarkan peluang dan kebarangkalian setiap ahli untuk dipilih menjadi sampel kajian. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang merangkumi beberapa item mengikut objektif kajian. Soal selidik yang disediakan oleh pengkaji terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Pada bahagian A, responden dikehendaki menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan demografi responden manakala skala likert digunakan pada bahagian B dan C di mana responden dikehendaki menandakan jawapan berdasarkan soalan yang diberikan. Analisis deskriptif dan korelasi Pearson menggunakan sistem pengaturcaraan IBM SPSS versi 25 digunakan untuk menganalisis data kajian.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), namun disebabkan terdapat gejala Covid-19 lokasi kajian adalah secara dalam talian. Di mana setiap borang selidik diedarkan melalui media sosial seperti whatsapp dan e-mel pelajar UPSI.

POPULASI DAN PERSAMPELAN KAJIAN

Unit Analisis

Unit analisis di dalam kajian ini menggunakan pelajar yang belajar di UPSI yang menggunakan media sosial dan yang mempunyai pengetahuan tentang kemurungan yang berumur 18 tahun dan keatas serta yang sedang mengikuti tahap pengajian dari diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan PhD. Pelajar juga akan dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik ini dan pelajar terdiri daripada pelbagai fakulti di UPSI. Menurut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) (2017), kira-kira 5.5 juta remaja, seorang daripada lima anak muda mengalami kemurungan manakala seorang remaja dari 10 remaja direkodkan mengalami tekanan perasaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kemurungan dalam kalangan pelajar universiti semakin serius dan penggunaan media sosial jugak semakin tinggi dalam kalangan pelajar.

Mengenal Pasti Populasi Kajian

Kajian ini dijalankan untuk pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), kajian ini juga dilakukan dalam talian sahaja. Di mana setiap borang selidik diedarkan melalui media sosial seperti whatsapp dan e-mel pelajar UPSI dan Telegram. Kajian ini dilakukan untuk pelajar UPSI adalah kerana UPSI mempunyai jumlah pelajar yang ramai dan terdiri daripada pelbagai etnik. Responden yang diambil adalah sebanyak 100 orang pelajar dari pelbagai peringkat umur dan fakulti serta tahap pengajian di UPSI. Sampel kajian ini adalah menggunakan persampelan rawak dimana tiada spesifik pelajar yang akan dipilih oleh pengkaji untuk menjawab soal selidik ini.

Instrumen Kajian

Pembinaan instrumen kajian sangat penting dalam sesuatu kajian. Pengkaji perlu menunjukkan instrumen yang tepat dan bersesuaian dengan kajian yang dijalankan bagi mengelakkan percanggahan berlaku dalam sesuatu kajian. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian yang merangkumi beberapa item mengikut objektif kajian. Soal selidik yang disediakan oleh pengkaji terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A yang mengandungi demografik responden termasuk jantina, etnik, umur, tahap pendidikan, semester dan juga fakulti manakala bahagian B pulat terdiri daripada 7 soalan berkenaan tahap kemurungan dikalangan pelajar UPSI. Bahagian C pula terdiri daripada 6 soalan berkenaan tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar UPSI. Soalan kajian ini juga mempunyai dua jenis soalan iaitu soalan jenis 'open-ended' dan juga 'close-ended' bagi memudahkan untuk mengukur kedua-dua pemboleh ubah.

Pra-Ujian

Sebelum melakukan pengumpulan bagi data sebenar, pra ujian merupakan elemen yang penting untuk dilakukan bagi memastikan instrumen yang digunakan adalah tepat dan bersesuaian dengan kajian. Kajian ini melibatkan kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan dari umur 18 tahun ke atas di kalangan pelajar UPSI sendiri. Borang tinjauan soal selidik

Copyright: © 2020 The Author(s)

Published by Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

diedarkan kepada pelajar UPSI melalui media sosial dan email siswa. Pra ujian dibuat dengan jumlah 30 responden yang telah dipilih secara persampelan rawak mudah.

Pengumpulan Data

Bagi menjalankan pengumpulan data, pengkaji perlu mendapatkan pelepasan daripada pihak atasan iaitu Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan juga pensyarah yang terlibat. Instrumen kajian akan disemak oleh pensyarah bagi subjek ini sebelum pengkaji dilepaskan untuk mengedar borang soal selidik yang telah dibuat. Semasa hari pengumpulan data sebenar (20 Jun 2020), borang soal selidik diedarkan secara atas talian kepada pelajar UPSI melalui media sosial seperti Telegram, Whatsapp dan juga Twitter, serta email siswa. Hal ini kerana isu yang terjadi pada masa kini telah mengehadkan pergerakan pengkaji dan responden kajian. Dalam borang tersebut turut disertakan serba sedikit penjelasan mengenai kajian yang dijalankan bagi memudahkan responden faham dengan tujuan kajian ini. Untuk menjawab soal selidik ini, responden hanya memerlukan 10 hingga 15 minit sahaja. Hal ini membolehkan pengkaji untuk mengumpul data dengan cepat namun disebabkan pautan soal selidik turut disebarkan melalui media sosial, kebiasaannya akan bertindih dengan pautan lain yang menyebabkan pelajar terlepas pandang membuatkan ia mengambil masa agak lama untuk mengumpul 100 responden.

Proses Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Hamed (2016), soal selidik merupakan alat yang paling banyak digunakan untuk mengumpul data terutama dalam penyelidikan kuantitatif. Tujuan utama boring soal selidik dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan bersesuaian dengan objektif kajian ini sendiri dimana ketepatan data dan data yang konsisten yang menjadi kepentingan dalam kajian ini. Selepas instrumen dibina, pengkaji perlu memastikan instrumen yang dibuat adalah sah dan boleh dipercayai. Menurut Blumberg et al (2005), kesahan sering kali ditakrifkan sebagai sejauh mana instrumen mengukur apa yang ditegaskan untuk diukur manakala kebolehpercayaan pula merujuk kepada pengukuran yang memberikan hasil yang konsisten dengan nilai yang sama. Hujah ini disokong oleh Oliver (2010) dimana beliau menyatakan kedua-dua elemen ini adalah wajib untuk semua jenis kajian.

Menurut George et al (2015), peraturan yang diterima adalah dimana Cronbach alpha (α) 0.6-0.7 boleh diterima dan boleh dipercayai, dan 0.8 atau lebih berada di tahap yang sangat bagus. Namun begitu, nilai yang lebih 0.95 tidak semestinya bagus kerana ia mungkin menunjukkan pertindihan (Hulin et al, 2001). Maka, cronbach alpha digunakan sebagai alat untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dalam kajian ini.

Jadual 1: Pekali kebolehpercayaan instrumen kajian

Pemboleh Ubah	Item	Cronbach Alpha(a)	
		Pra ujian (n=30)	Sebenar (n=100)
Tahap Kemurungan	7	.901	.896
Tahap penggunaan media sosial	6	.576	.732

Copyright: © 2020 The Author(s)

Published by Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

4.0 FINDINGS AND DISCUSSION

Kesahan dan Kebolehpercayaan Selepas Pengumpulan Data

Berdasarkan jadual diatas, kebolehpercayaan bagi tahap penggunaan media sosial pada pra ujian menunjukkan nilai Cronbach alpha adalah dibawah bawah .07 bermaksud instrumen yang digunakan adalah tidak sah dan tidak boleh digunakan. Namun begitu, selepas instrumen diubahsuai, kesahan bagi data sebenar bagi tahap penggunaan media sosial adalah sah dan boleh digunapakai untuk kajian ini. Bagi tahap kemurungan pula, cronbach alpha dianggap boleh dipercayai untuk pengumpulan data sebenar kerana lebih 0.7.

Kaedah Pemprosesan Data

Kajian ini menggunakan satu perisian untuk memproses dan menganalisis data. Perisian yang digunakan adalah IBM SPSS 'Statistical Package for Social Science' versi 25. Perisian ini digunakan untuk memproses dan menyaring data yang diperoleh untuk kajian ini.

Penyaringan Data

Selepas proses pengumpulan data selesai, pengkaji memperoleh sebanyak 103 respon bagi borang kaji selidik yang diedarkan kepada pelajar UPSI. Namun begitu, selepas koding, sebanyak 3 responden ditolak kerana borang yang tidak lengkap dan hanya 100 respon sahaja yang sah. Langkah pertama untuk pemprosesan data ialah dimana pengkaji perlu memasukkan data kedalam perisian SPSS dan analisis data mentah bagi proses penyaringan dan pembersihan data. Hal ini dilakukan untuk mengenalpasti respon yang tidak sempurna, kesalahan dan juga jika ada nilai yang hilang atau yang luar biasa. Pengkaji turut melalui ujian frekuensi dan penyuntingan data sebelum melakukan ujian reliabiliti.

Kemudian, ujian reliabiliti dilakukan untuk memastikan bahawa pengukuran yang diperoleh dalam satu sesi adalah konsisten dan mencerminkan kebolehpercayaan terhadap kajian ini. Ujian ini dilakukan untuk melihat cronbach alpha adalah menepati syarat yang diperlukan iaitu lebih 0.7 bagi setiap pemboleh ubah. Setelah menjalani ujian reliabiliti, pengkaji melakukan transformasi data iaitu komput dan rekod untuk membina pemboleh ubah baru berdasarkan pemboleh ubah yang ada serta menilai semula mengikut pemboleh ubah matrik. Akhir sekali, ujian normaliti dilakukan oleh pengkaji untuk memastikan populasi data diedarkan secara normal berdasarkan kajian lepas. Hasil ujian ini iaitu 5 daripada 7 ujian normaliti menunjukkan kajian ini telah mencapai piawaian yang telah ditetapkan.

Hasil dan Perbincangan

Kajian ini menggunakan kaedah "Pearson Correlation" untuk menganalisis data yang diperolehi. "Pearson Correlation" ini merupakan statistik parametrik. Kaedah ini adalah untuk melihat hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas (*independent variables*) dan pemboleh ubah bersandar (*dependent variables*). Kajian ini dilakukan untuk melihat hubungan antara penggunaan media sosial dan kemurungan dalam kalangan pelajar UPSI.

Profil Responden

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji tahap penggunaan media sosial dan kemurungan dalam kalangan pelajar UPSI. Di bahagian ini, kajian akan memberi fokus kepada responden yang terdiri daripada seorang pelajar meut jantina, bangsa, tahap pendidikan, semester dan fakulti di UPSI, Tanjung Malim, Perak.

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden mengikut jantina, bangsa, tahap pendidikan, semester dan fakulti. Hasil kajian menunjukkan bilangan jantina dari lelaki adalah sebanyak 26 orang (26%) manakala bagi perempuan pula ialah seramai 74 orang (74%). Bagi bilangan responden bangsa pula, sebanyak 76 orang (76%) adalah dari bangsa Melayu, 8 orang dari bangsa Cina (8%), 3 orang (3%) dari bangsa India dan 13 orang (13%) dari lain-lain. Bilangan responden untuk tahap pendidikan pula, ijazah sarjana muda merupakan bilangan responden yang paling tinggi iaitu sebanyak 94 orang (94%) manakala diploma adalah sebanyak 5 orang (5%) dan ijazah sarjana adalah yang paling rendah iaitu sebanyak 1 orang (1%). Seterusnya, bagi bilangan responden untuk semester pula, bilangan responden yang paling tinggi adalah di semester 2

Copyright: © 2020 The Author(s)

Published by Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

iaitu sebanyak 51 orang (51%), tahap sederhana ialah semester 4 iaitu seramai 17 orang (17%) dan yang paling rendah adalah semester 8 iaitu sebanyak 2 orang (2%). Akhir sekali, bilangan bagi bahagian fakulti pula ialah Fakulti Bahasa dan Komunikasi merupakan fakulti yang paling tinggi bilangan responden yang menjawab soalan kajian ini iaitu sebanyak 61 orang (61%), bilangan sederhana adalah dari Fakulti Sains Kemanusiaan dan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia iaitu seramai 8 orang (8%) manakala Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan merupakan yang paling rendah bilangan responden iaitu sebanyak 1 orang (1%).

Jadual 2: Taburan Kekerapan Jantina, Bangsa, Tahap Pendidikan, Semester dan Fakulti

Variables	Freq	Percent
Jantina		
Lelaki	26	26
Perempuan	74	74
Bangsa		
Melayu	76	76
Cina	8	8
India	3	3
Lain-Lain	13	13
Tahap Pendidikan		
Diploma	5	5
Ijazah Sarjana Muda	94	94
Ijazah Sarjana	1	1
Semester		
Semester 1	5	5
Semester 2	51	51
Semester 3	6	6
Semester 4	17	17
Semester 5	10	10
Semester 6	5	5
Semester 7	4	4
Semester 8	2	2
Fakulti		
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	61	61
Fakulti Muzik dan Persembahan	2	2
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia	8	8
Fakulti Sains dan Matematik	5	5
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi	5	5
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	1	1
Fakulti Sains Kemanusiaan	8	8
Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif	6	6
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	4	4

Tahap penggunaan media sosial dan Tahap kemurungan

Berdasarkan jadual Korelasi Pearson dibawah (rujuk Jadual 3), data yang diperolehi menyokong hipotesis kajian iaitu terdapat hubungan yang signifikan (.000) antara tahap penggunaan media sosial dan tahap kemurungan dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara tahap penggunaan media sosial dan tahap kemurungan (.371). Walaupun kekuatan hubungan ini adalah rendah tetapi signifikan antara tahap penggunaan media sosial dan tahap kemurungan dalam kalangan pelajar UPSI.

Copyright: © 2020 The Author(s)

Published by Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

Jadual 3: Perkaitan korelasi antara tahap penggunaan media sosial dan tahap kemurungan

Pembolehubah	<i>r</i>	<i>p</i>
Kemurungan	.371	.000
Media Sosial		

Menurut kajian lepas yang telah dijalankan, hubungan penggunaan media sosial sememangnya mempunyai perkaitan dengan masalah penyakit mental iaitu kemurungan. Menurut kajian daripada Susan Wu (2017), hubungan antara penggunaan media sosial dan kemurungan menunjukkan hasil yang bercampur. Hal ini bermaksud, penggunaan media sosial boleh menjadi negatif atau positif bergantung kepada tahap penggunaan media sosial dan tahap kemurungan seseorang itu. Menurut Baker & Algorta (2016), hubungan antara penggunaan media sosial dan kemurungan kompleks dan melibatkan pelbagai faktor seperti psikologi, sosial, tangkah laku dan individu.

Berdasarkan hasil data yang diperolehi bagi bahagian tahap kemurungan, kebanyakan pelajar universiti mempunyai tahap yang rendah (53%) terhadap kemurungan. Walaubagaimanapun, terdapat juga pelajar yang mempunyai tahap kemurungan yang sederhana (36%). Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang mengalami penyakit kemurungan ini walaupun tidak berada pada tahap yang teruk. Menurut Yang et.al (2005), antara simptom seseorang yang mengalami kemurungan adalah rasa rendah diri, motivasi yang rendah, takut ditolak dan perlu mendapat pengesahan dari orang lain akan menyebabkan seseorang itu untuk meluangkan masa dengan menggunakan media sosial.

Daripada tahap penggunaan media sosial pula, tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar UPSI ialah tahap sederhana (54%). Hal ini adalah kerana kebanyakan pelajar universiti mempunyai akaun media sosial dan mempunyai telefon pintar. Kajian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, (SKMM) (2017) menunjukkan bahawa telefon pintar merupakan medium utama untuk pengguna mengakses Internet iaitu sebanyak 89.9% (21.9 juta orang). Sebanyak 89.3% pengguna Internet menggunakan Internet untuk mengakses laman sosial mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengguna media sosial dalam kalangan pelajar adalah banyak disebabkan oleh kemudahan untuk mendapatkan Internet dan kebanyakan ramai yang menggunakan telefon pintar.

Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan hubungan yang signifikan di antara tahap penggunaan media sosial dan tahap kemurungan. Hipotesis ini dapat dibuktikan dengan nilai sig. *r* iaitu .000 dimana ianya kurang dari nilai alpha iaitu .05. Walaupun kekuatan hubungan menunjukkan hubungan yang rendah, terdapat arah hubungan yang positif dimana faktor penggunaan media sosial sememangnya mempunyai perkaitan dan memberi kesan terhadap tahap kemurungan seseorang pelajar universiti walaupun kekuatan hubungan antara dua pembolehubah ini ada rendah. Hal ini berlaku apabila pelajar banyak meluangkan masa untuk menggunakan media sosial, mereka akan cenderung untuk merasa rendah diri dan akan mula untuk membandingkan kehidupan mereka dengan kehidupan seseorang individu yang mereka lihat di media sosial. Hal ini dapat disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Urista, Dong & Day (2008) yang menyatakan bahawa kebanyakan generasi kini lebih cenderung untuk melihat dan mengikuti kandungan yang terdapat di dalam media sosial untuk menghasilkan identiti sendiri. |

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kemurungan adalah sejenis penyakit yang serius yang melibatkan badan, perasaan fikiran individu. Ianya juga disebabkan oleh tahap penggunaan media sosial yang mempunyai kaitan dalam seseorang itu menghadapi kemurungan. Kajian ini disokong dengan kajian-kajian lepas yang menyatakan tentang penggunaan media sosial dan kemurungan dalam kalangan pelajar universiti. Kajian ini dijalankan di universiti tempatan di Malaysia iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI yang terletak di Tanjung Malim, Perak dan kajian ini mengambil sebanyak 100 responden yang berbeza secara rawak dan kajian ini boleh dilakukan dengan nilai Cronbach alpha yang sesuai

iaitu >.07. Akhir sekali ialah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan media sosial dan tahap kemurungan dalam kalangan pelajar UPSI dan objektif kajian dapat dicapai di dalam kajian ini.

Konklusinya, terdapat kaitan antara tahap penggunaan media sosial dan tahap kemurungan dalam kalangan pelajar di UPSI. Walaupun tahap kemurungan dalam kalangan pelajar di UPSI rendah, terdapat kemungkinan bahawa terdapat pelajar yang menghadapi kemurungan dan menggunakan media sosial sebagai satu cara untuk mengisi masa dan fikiran mereka. Oleh yang demikian, penggunaan media sosial dan kemurungan mempunyai hubungan yang signifikan walaupun berada pada tahap yang rendah. Kajian ini juga telah mencapai objektif untuk melihat perkaitan di antara tahap penggunaan media sosial dan tahap kemurungan dalam kalangan pelajar UPSI.

RUJUKAN

1. Ainal Aina. (2018). Kajian Terhadap Faktor Kemurungan Bagi Pelajar Darjah Empat, Darjah Lima, Darjah Enam di Tiga Buah Sekolah Agama Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Diambil daripada <http://library.oum.edu.my/repository/989/1/library-document-989.pdf>
2. Baker & Algorta. (2016). *The Relationship Between Online Social Networking and Depression: A Systematic Review of Quantitative Studies*. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/309074810_The_Relationship_Between_Online_Social_Networking_and_Depression_A_Systematic_Review_of_Quantitative_Studies
3. Mark A. Urista, Qingwen Dong, Kenneth D. Day, (2009), *Explaining Why Young Adults Use Myspace and Facebook Through Uses and Gratification Theory*, dicapai pada 24 Jun 2020
4. Norhayati. (2013). Kajian Terhadap Faktor Kemurungan Bagi Pelajar Darjah Empat, Darjah Lima, Darjah Enam di Tiga Buah Sekolah Agama Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Diambil daripada <http://library.oum.edu.my/repository/989/1/library-document-989.pdf>
5. Susan Wu. (2019). *The relationship between social media use and Depression in college students: a scoping review*. Diambil daripada https://digitalcommons.library.tmc.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1102&context=uthsph_dissertsopen
6. World Health Organization. (2017). Depression and other common mental disorders: Global health estimates. World Health Organization. Geneva. http://www.who.int/mental_health/management/depression/prevalence_obhealthestimates/en/